

Article Info:

Published Date: 22 August 2024

*Corresponding Author: harozila@fskik.upsi.edu.my

Transformasi Seni Catan Batik di Malaysia: Penggabungan Tradisi dan Inovasi Menerusi Catan Batik Kontemporari

The Transformation of the Art of Batik Painting in Malaysia: Combining Tradition and Innovation Through Contemporary Batik Painting

Harozila Ramli*, Tajul Shuhaimi Said

Jabatan Seni dan Reka Bentuk, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Fakulti Seni, Kelstarian dan Industri Kreatif, 35900 Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia

To cite this article (APA): Ramlili, H., & Said, T. S. The Transformation of the Art of Batik Painting in Malaysia: Combining Tradition and Innovation Through Contemporary Batik Painting. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 12(2), 1–9. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol12.2.1.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol12.2.1.2024>

ABSTRAK

Seni Catan Batik di Malaysia telah mengalami transformasi yang signifikan melalui penggabungan tradisi dengan modernisme. Seniman-seniman alaf baharu atau lebih dikenali sebagai generasi Z menunjukkan keberanian dalam mengeksplorasi pelbagai media, termasuk cat minyak dan teknologi digital, yang membawa dimensi baru dalam seni lukis batik. Menerusi kaedah pengkajian studio, kepelbagaian teknik dan eksperimentasi diadaptasikan bagi menjalankan kegiatan dan penghasilan karya. Penggunaan warna-warna berani dan motif-motif abstrak mencerminkan semangat kreativiti dan kebebasan ekspresi. Inspirasi dari isu-isu sosial dan kemanusiaan menjadi pendorong bagi seniman-seniman ini untuk menyampaikan pesan-pesan penting melalui karya seni mereka. Peranan penting pameran seni dan pendidikan dalam membangun landskap seni rupa Malaysia turut ditekankan. Secara keseluruhan, seni catan batik tidak hanya mempertahankan keunikan budayanya, tetapi juga berkembang sebagai bentuk seni moden yang dinamik dan relevan. Penggabungan tradisi dengan modernisme menciptakan harmoni yang memperkaya dan memperluas pengaruh seni catan batik dalam seni rupa Malaysia.

Kata kunci: transformasi, catan batik, penggabungan tradisi dan inovasi, kontemporari

ABSTRACT

The art of Batik painting in Malaysia has experienced a significant transformation through the combination of tradition with modernism. The artists of the new millennium, better known as Generation Z, show courage in exploring various media, including oil paint and digital technology, which brings a new dimension to the art of batik painting. Through studio study methods, a variety of techniques and experiments are adapted to carry out activities and produce works. The use of bold colors and abstract motifs reflects the spirit of creativity and freedom of expression. Inspiration from social and humanitarian issues is the driving force behind these artists' ability to deliver important messages through their artwork. The important role of art exhibitions and education in developing the Malaysian fine art landscape is also emphasized. Overall, the art of batik painting not only maintains its cultural uniqueness but also develops as a dynamic and relevant modern art form. Combining tradition with modernism creates a harmony that enriches and expands the influence of batik painting in Malaysian art.

Keywords: transformation, batik painting, combining tradition and innovation, contemporary

PENGENALAN

Transformasi Seni Catan Batik di Malaysia merujuk kepada perubahan atau evolusi dalam teknik, gaya, dan penggunaan seni catan batik dalam konteks Malaysia. Batik merupakan salah satu warisan seni tradisional yang unggul di Malaysia, yang melibatkan proses menyalut kain dengan lilin dan menghasilkan corak yang unik melalui pewarnaan. Transformasi ini boleh melibatkan penyesuaian dalam corak, warna, teknik penghasilan, dan penggunaan batik dalam konteks moden atau masyarakat masa kini. Transformasi seni catan batik di Malaysia boleh dianalisis dari pelbagai sudut, termasuk aspek budaya, sejarah, ekonomi, dan sosial. Ini termasuklah pemahaman tentang bagaimana batik digunakan sebagai medium ekspresi budaya, teknik dan coraknya berkembang dari masa ke masa, serta bagaimana penggunaannya mempengaruhi industri kreatif dan ekonomi tempatan.

Harozila Binti Ramli (2007), menyatakan bahawa evolusi seni catan batik di Malaysia memainkan peranan penting dalam membentuk identiti seni lukis moden negara ini. Menurut beliau, batik, yang pada asalnya berfungsi sebagai medium tekstil tradisional, telah diadaptasi ke dalam seni lukis moden, terutamanya melalui usaha artis seperti Chuah Thean Teng yang mempopularkan ‘batik painting’. Adaptasi ini bukan sahaja menggabungkan elemen tradisional dengan teknik catan moden untuk menghasilkan karya yang unik dan kontemporari, tetapi juga mengaburkan batas antara seni tradisional dan moden. Harozila menegaskan bahawa perkembangan ini telah melahirkan genre baharu, iaitu ‘painting batik’, yang menggabungkan warisan budaya dengan ekspresi moden. Fenomena ini bukan sahaja memperkaya seni visual Malaysia, tetapi juga menyumbang kepada dialog global mengenai peranan seni tradisional dalam dunia moden, menunjukkan bagaimana seni tradisional boleh terus relevan dan dinamik dalam konteks seni kontemporari.

Kebangkitan karya batik di Malaysia bukan sahaja mencerminkan kepelbagaiannya budaya tempatan tetapi juga menandakan peningkatan minat generasi muda terhadap seni tradisional. Penggunaan teknologi moden dalam penghasilan batik telah membuka peluang baharu bagi artis-artis tempatan untuk mengeksperimen dengan corak dan teknik yang lebih inovatif, sekali gus menjadikan batik relevan dalam pasaran global (Azran Jaafar, 2004). Peningkatan pendidikan dan latihan dalam bidang seni catan batik memberikan peluang kepada seniman dan tukang batik untuk terus mengasah kemahiran mereka, mengeksplorasi teknik baru, dan berkolaborasi dengan rakan seni serta industri kreatif. Ini tidak hanya memperkaya estetika dan inovasi dalam seni batik tetapi juga menyokong pertumbuhan ekonomi dan promosi budaya di peringkat tempatan, negara, dan antarabangsa. Oleh itu, pendidikan dan latihan dalam seni catan batik memainkan peranan penting dalam memelihara dan memajukan warisan budaya serta memacu pertumbuhan industri kreatif pada masa akan datang.


Menurut Asharil Suhardi Abdullah, “Batik sebagai warisan budaya yang kaya dengan nilai estetika kini melalui fasa modenisasi yang merangkumi perubahan dalam corak, teknik penghasilan, serta penggunaannya dalam fesyen kontemporari. Proses modenisasi ini tidak hanya memelihara elemen tradisional tetapi juga memperkenalkan inovasi yang relevan dengan kehendak pasaran semasa” (1984). Seni catan batik terus berkembang dalam seni moden Malaysia. Sebagai seni tradisional yang kaya dengan motif dan warna, batik menginspirasi ramai pelukis kontemporari. Gabungan tradisi dan modenisasi mencipta harmoni unik antara unsur tradisional batik dan gaya seni moden. Seniman-seniman moden mengintegrasikan teknik batik klasik dengan elemen abstrak, surrealisme, dan gaya kontemporari lain. Mereka mengekalkan keindahan warisan budaya melalui teknik pembatikan tradisional, motif batik, dan simbol Malaysia sambil membawa inovasi seperti abstraksi, warna berani, dan naratif yang mencerminkan realiti sosial. Penggabungan ini menghasilkan karya seni visual yang unik dan mengaktualisasikan seni batik sebagai medium untuk menyuarakan identiti budaya, nilai tradisional, dan isu semasa. Pameran seni dan platform seni komuniti memainkan peranan penting dalam memaparkan hasil perpaduan tersebut, mencipta ruang kreatif yang dinamik dan relevan antara tradisi dan modenisasi.

KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian studio merujuk kepada pendekatan penyelidikan yang memberi tumpuan kepada amalan seni, reka bentuk, atau bidang kreatif dalam konteks persekitaran studio. Dalam kaedah ini, penyelidik secara aktif terlibat dalam proses penciptaan seni atau projek kreatif, menguji idea, teknik, dan konsep melalui eksperimen praktikal. Kritikan dan refleksi terhadap hasil karya menjadi aspek penting yang membantu penyelidik memahami dengan lebih mendalam proses kreatif yang terlibat, sekaligus meningkatkan kemahiran seni mereka. Kaedah kajian studio bukan sahaja memberi peluang kepada seniman dan kreatif untuk menyelidik dan bereksperimen, tetapi juga menekankan pentingnya kritikan terhadap karya seni dan pemikiran reflektif. Ini bukan sahaja melibatkan proses penciptaan seni tetapi juga pemahaman konsep artistik, sejarah seni, dan teori kreatif yang menjadi asas kepada amalan seni yang lebih mendalam. Pendekatan ini memberi sumbangan yang signifikan kepada pemahaman umum mengenai seni dan proses kreatif dalam konteks akademik.

TRANSFORMASI CATAN BATIK: TRADISI DAN INOVASI

Menurut Rahman Iskandar dalam artikel "Transformasi Catan Batik: Antara Tradisi dan Inovasi," yang diterbitkan dalam jurnal Seni dan Budaya Malaysia pada 15 Mac 2022, "Transformasi catan batik telah mengalami evolusi yang signifikan, di mana teknik dan corak tradisional disesuaikan dengan elemen-elemen moden. Proses ini bukan sahaja memelihara nilai-nilai warisan, tetapi juga memperkenalkan inovasi artistik yang sesuai dengan estetika kontemporari, menjadikan batik lebih dinamik dan relevan di peringkat global." Fenomena ini diperlihatkan dalam eksplorasi media dan teknik dalam seni catan batik, di mana pelukis-pelukis batik kini menggabungkan unsur batik dengan media dan teknik yang lebih luas seperti cat minyak, cat air, dan teknologi digital. Pelukis batik tidak lagi terhad kepada medium tradisional sahaja; mereka kini membuka diri kepada penerapan teknik-teknik dan media yang lebih pelbagai. Penggunaan cat minyak atau cat air dalam batik mencipta lukisan yang lebih kompleks dan berlapis warna. Selain itu, penggunaan teknologi digital membuka peluang untuk inovasi dalam seni lukis batik dengan elemen visual yang lebih dinamik dan futuristik. Inisiatif ini memberikan ruang untuk karya seni yang lebih eksperimental dan kontemporari, menunjukkan keberanian seniman dalam menjelajahi batas-batas tradisional batik.



Rajah 1: Mohamad Nazreen Shah Bin Mustafa, Aura Pendita Pendidik, 2020, Batik, 5x3 kaki.

Sumber: Katalog Pameran Dimensi (2020)

Dalam usahanya mencipta karya batik kontemporari, Mohamad Nazreen Shah Bin Mustafa telah melakukan eksperimen. Karyanya menonjolkan keunikan dengan penggunaan canting berlapis yang memberikan daya tarik tersendiri. Melalui karya tersebut, beliau mengungkapkan Aura Pendita Pendidikan melalui variasi watak yang diolah dalam Aura Pendita. Pemilihan bahan-bahan dan penggunaan teknik-teknik baru dalam karya ini difokuskan untuk mencipta nilai-nilai estetik berdasarkan inovasi dalam seni reka batik kontemporari.



Rajah 2: Muhammad Farid Bin Selamat, Kalam: Ilmu, Cahaya, Kalbu 2020, Batik, 5.5x5.5 kaki.

Sumber: Katalog Pameran Dimensi (2020)

Muhammad Farid Bin Selamat menyatakan bahawa inspirasi untuk karyanya bermula dari zaman SITC sehingga penubuhan UPSI. Beliau menekankan peranan penting perpustakaan sebagai platform penyediaan pelbagai bahan ilmiah bercetak yang menjadi rujukan utama anak kandung suluh budiman. Karya tersebut membuka ruang untuk inovasi dalam seni batik kontemporari, diterapkan melalui teknik cantingen batik, teknik konvensional, teknik lipat dan ikat, serta teknik retakan, dengan tujuan mencipta diversiti dan mengamalkan prinsip kepelbagaian. Kesemuanya menjadi simbolik kepada kepelbagaian sumber bahan ilmiah berkualiti yang ditujukan kepada pembaca.

Penggunaan warna dan motif yang berani dalam seni catan batik moden menunjukkan ciri-ciri menarik, di mana seniman batik cenderung memilih warna-warna yang menarik perhatian dan motif-motif yang lebih bersifat abstrak. Pilihan warna-warna yang berani ini mencerminkan semangat kreativiti dan kebebasan seniman dalam mengekspresikan diri, sambil tetap memelihara intipati dan estetika batik. Warna-warna yang menarik perhatian seperti merah, biru, dan hijau turut digunakan untuk memberikan impak visual yang kuat, mencipta karya seni batik yang memukau dan memikat perhatian. Motif-motif yang bersifat abstrak pula memberikan ruang bagi interpretasi yang lebih luas, membolehkan seniman untuk menyampaikan mesej atau cerita tanpa terikat kepada bentuk tradisional. Inisiatif ini mencerminkan keberanian seniman dalam mengeksplorasi batas-batas seni lukis batik, mencipta karya-karya yang tidak hanya mencerminkan keindahan warisan budaya, tetapi juga menjadi medium untuk menyuarakan kreativiti yang bebas dan inovatif.

Karya batik kontemporari yang dihasilkan oleh Syazwani Binti Khairul Anuar dan Hazwan Bin Chan Heng Aik menonjolkan pentingnya proses penciptaan yang dijalankan. Dalam proses ini, kedua-dua pengkarya telah mengambil keputusan berani dalam pemilihan kombinasi warna yang tidak hanya mencerminkan semangat kreativiti tetapi juga memberi kebebasan kepada seniman untuk menyuarakan ekspresi diri mereka. Warna-warna yang dipilih, seperti merah, biru, dan hijau, telah dipilih dengan teliti untuk mengekalkan intipati dan estetika batik. Pemilihan warna yang menarik perhatian ini berjaya mencipta impak visual yang kuat dalam karya seni batik mereka, menjadikan hasil akhir yang memukau dan menarik perhatian.



Rajah 3: Syazwani Binti Khairul Anuar, Bee On a In Life, 2022, Batik, 7.5x4 kaki.
Sumber: Katalog Pameran Paradigma (2022)

Menerusi karya Syazwani Binti Khairul Anuar, penggunaan kombinasi warna mencerminkan semangat kreativiti dan kebebasan seniman untuk menyuarakan ekspresi diri sambil mengekalkan intipati dan estetika batik. Karya tersebut juga menggabungkan elemen lebah sebagai simbol sifat mulia yang dapat diteladani, mengacu pada kisah lebah dalam surah An Nahl di Al-Quran. Syazwani menggunakan beberapa teknik batik seperti 'cracking', cantingan, dan 'layer by layer' untuk mencipta kesan yang menarik dan unik, seiring dengan tujuan menyampaikan pesan tentang kehidupan dan tanggungjawab manusia.




Rajah 4: Hazwan Bin Chan Heng Aik, Obligasi 2021, Batik, 5x4 kaki.
Sumber: Katalog Pameran Maya Akal Sari (2021)

Dalam karya "Obligasi" oleh Hazwan Bin Chan Heng Aik, penggunaan kombinasi warna kuning oren dan hijau mencerminkan semangat kreativiti dan kebebasan seniman untuk menyuarakan ekspresi diri, sambil mengekalkan intipati dan estetika batik. Dengan campuran warna dan motif berani dalam seni lukis batik moden, karya ini menunjukkan ciri-ciri menarik, di mana seniman batik cenderung memilih warna-warna menarik perhatian dan motif abstrak. Ini mencipta karya-karya yang tidak hanya mencerminkan keindahan warisan budaya, tetapi juga menjadi medium untuk menyuarakan kreativiti yang bebas dan inovatif.

Inspirasi dari isu-isu sosial dan kemanusiaan dalam seni catan batik melibatkan beberapa seniman yang menggunakan medium ini untuk menyuarakan pesan-pesan berkaitan dengan isu-isu

sosial dan kemanusiaan. Mereka mencipta karya-karya seni yang merefleksikan isu-isu penting seperti kepelbagaiannya budaya, alam sekitar, dan masalah-masalah sosial yang relevan dalam masyarakat. Dengan menggambarkan tema-tema ini melalui lukisan batik, seniman-seniman ini berusaha untuk menghasilkan kesan emosional dan pemikiran dalam penonton, merangsang kesedaran terhadap isu-isu yang diangkat. Penggunaan seni lukis batik sebagai medium penyampaian mesej sosial mencerminkan peranan seniman dalam menyumbangkan pandangan dan aspirasi mereka untuk membangkitkan kesedaran dan perubahan dalam masyarakat melalui seni rupa.

Menerusi karya Batik Imagination Fantasy oleh Nurzuzaliena Binti Zulkifli, fantasi dan imaginasi dalam dunia kanak-kanak menjadi sumber inspirasi beliau dalam penghasilan batik kontemporari. Batik, sebagai seni tradisional yang kaya dengan simbolisme dan warisan budaya, sering kali mengambil inspirasi dari alam sekitar, cerita rakyat, dan kepercayaan tempatan. Dengan mengaitkan fantasi dan imaginasi kanak-kanak dengan penghasilan batik kontemporari, seniman dapat mencipta rekaan-rekaan inovatif yang merangkumi unsur-unsur kreativiti dan imaginasi. Fantasi dan imaginasi kanak-kanak memberikan kebebasan kepada seniman untuk meluahkan kreativiti dalam proses penghasilan batik, menjadikan setiap karya batik sebagai satu kisah visual yang memikat.



Rajah 5: Nurzuzaliena Binti Zulkifli, *Imaginasi Fantasi*, 2021, Batik, 5x3 kaki.

Sumber: Katalog Pameran Maya Akal Sari (2021)

Dalam penciptaan karya-karya ini, para pengkarya mencurahkan usaha untuk merefleksikan isu-isu yang penting seperti kepelbagaiannya budaya, alam sekitar, dan masalah-masalah sosial yang relevan dalam masyarakat. Segelintir pengkarya menghasilkan karya dengan tujuan mencipta kesan emosional dan pemikiran dalam kalangan penonton, serta merangsang kesedaran terhadap isu-isu yang dibincangkan, ini dapat dilihat menerudi karya Athirah Binti Ismail dan Ummu Adilah Binti Mohd Pauzi.



Rajah 6: Athirah Binti Ismail, *Namun Ku Punya Hati*, 2023, Batik, 2x2 kaki.

Sumber: Katalog Pameran Artchemist (2023)



Rajah 7: Ummu Asilah, “Gebu, Comel Atau Bahaya?”, 2023, Batik, 3x3 kaki.
Sumber: Katalog Pameran Artchemist (2023)

Penghasilan karya Athirah Ismail dan Ummu Asillah menginspirasikan isu-isu sosial dan kemanusiaan, serta merefleksikan kepelbagaiannya budaya, alam sekitar, dan masalah-masalah sosial yang relevan. Athirah Ismail membahas isu kemanusiaan melalui kisah seorang kanak-kanak OKU, bertujuan membela nasib mereka dan menggalakkan kesedaran masyarakat terhadap penderaaan. Manakala, menerusi karya Ummu Asillah, isu kesihatan berkaitan dengan obesiti dibincangkan melalui lukisan batik dengan subjek donut sebagai representasi makanan penyebab kegemukan. Seniman-seniman ini mencipta kesan emosional dan pemikiran dalam penonton, merangsang kesedaran terhadap isu-isu yang dibawa. Penggunaan seni lukis batik sebagai medium untuk menyampaikan mesej sosial mencerminkan peranan seniman dalam menyumbangkan pandangan dan aspirasi mereka untuk membangkitkan kesedaran dan perubahan dalam masyarakat melalui seni rupa.

Catan batik digunakan sebagai medium untuk menyampaikan mesej sosial melalui pelbagai cara. Khalid Hamzah menyatakan bahawa catan batik bukan sahaja merupakan ekspresi artistik tetapi juga berfungsi sebagai medium untuk menyampaikan mesej sosial. Melalui simbolisme dan motif yang terkandung dalam karya batik, artis dapat menyoroti isu-isu sosial seperti keadilan, kemiskinan, dan perpaduan, menjadikan seni batik sebagai alat yang berkesan untuk menyedarkan dan menggerakkan masyarakat ke arah perubahan positif (2020). Motif dan reka bentuk batik sering mencerminkan nilai-nilai budaya, sejarah, dan kehidupan harian masyarakat. Warna-warna yang dipilih dalam batik juga mempunyai makna simbolik, seperti merah melambangkan keberanian atau hijau yang dikaitkan dengan alam atau kedamaian. Menerusi visual dalam karya batik, dapat menginspirasikan perasaan dan pemikiran penonton, serta mengangkat isu-isu sosial seperti kelestarian alam dan sebagainya. Selain itu, seni lukis batik turut berperanan sebagai alat pendidikan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu-isu sosial yang penting. Dengan penggabungan elemen-elemen ini, seni lukis batik menjadi medium yang sangat berkesan dalam menyampaikan mesej sosial kepada masyarakat.

Peranan Pameran Seni Batik Catan menjadi platform utama pelukis untuk mempersembahkan hasil kerja dan berinteraksi dengan orang ramai. Melalui pameran ini, seniman dapat menghayati seni lukisan batik dan pada masa yang sama membuka peluang untuk berkolaborasi dan berkongsi pengalaman dengan masyarakat seni yang lebih luas. Pameran seni bukan sahaja satu bentuk pengiktirafan hasil kerja artis, tetapi juga sebagai medium untuk menjalankan hubungan antara artis dan peminat seni, serta mewujudkan dialog artistik yang dinamik.

PERANAN PENDIDIK DAN HASIL SENI

Pendidikan dan latihan dalam bidang seni catan batik semakin meluas dengan pesat. Ini terlihat melalui peningkatan institusi pendidikan formal dan informal yang menawarkan program-program khusus dalam seni batik dari asas hingga lanjutan. Kraf tangan, IPA, dan IPS memberi peluang mempertingkatkan ilmu, khususnya dalam dunia seni. Perkembangan teknologi juga turut memainkan peranan penting dalam memperluas akses kepada pendidikan dan latihan dalam seni catan batik. Bahan pembelajaran dapat diakses secara dalam talian melalui kursus maya, video tutorial, dan platform e-

pembelajaran lain yang membolehkan pelajar mempelajari dan melatih kemahiran di mana saja dan pada bila-bila masa mengikut keperluan dan ketersediaan masa mereka.

Menurut Nur Aisyah (2021), “Peranan pendidik dalam menghasilkan karya seni bermutu memainkan peranan yang kritikal dalam membentuk dan mengasah bakat seni pelajar. Menerusi bimbingan dan sokongan yang berterusan, pendidik dapat membantu pelajar menghasilkan karya seni yang bermutu tinggi, yang tidak hanya mencerminkan kreativiti individu tetapi juga mengangkat martabat seni tempatan di persada antarabangsa.” Dalam konteks ini, peningkatan pendidikan dan latihan dalam bidang seni catan batik menjadi sangat penting. Ia memberikan peluang kepada seniman dan tukang batik untuk terus mengasah kemahiran, meneroka teknik baru, dan berkolaborasi dengan rakan seni serta industri kreatif. Dengan bimbingan dan sokongan yang berterusan daripada pendidik, proses ini memperkaya estetika dan inovasi dalam seni batik, seterusnya menyokong pertumbuhan ekonomi dan promosi budaya di peringkat tempatan, negara, dan antarabangsa.

Oleh itu, pendidikan dan latihan dalam seni catan batik memainkan peranan penting dalam memelihara warisan budaya serta memajukan industri kreatif, bertepatan dengan peranan kritikal pendidik dalam membentuk karya seni bermutu. Pendidikan dan latihan dalam bidang seni catan batik semakin meluas dengan adanya program-program khusus. Inisiatif ini memberikan sokongan kepada generasi muda untuk memahami dan mewarisi teknik tradisional batik, sekaligus memberikan kebebasan kepada mereka untuk mengembangkan kreasi seni mereka sendiri. Program pendidikan ini turut membentuk pangkalan pengetahuan dan keahlian yang diperlukan untuk melahirkan seniman-seniman batik yang berkualiti. Dengan peningkatan dalam pendidikan dan latihan, seniman-seniman muda diberi peluang untuk menjelajahi potensi seni lukis batik, sekaligus menyumbang kepada kelangsungan dan perkembangan seni warisan ini dalam seni rupa Malaysia.

KESIMPULAN

Dalam konteks seni catan batik di Malaysia, penulisan ini menggambarkan inovasi dan perkembangan catan batik. Seni catan batik, sebagai warisan budaya yang dipenuhi dengan motif, warna, dan nilai-nilai tradisional, terus mengalami transformasi yang penting dalam seni catan moden Malaysia. Tema penggabungan tradisi dan modernisme menjadi fokus utama, di mana seniman-seniman moden dengan berani mengintegrasikan elemen-elemen tradisional batik dengan gaya dan teknik kontemporari. Eksplorasi media dan teknik, termasuk penggunaan cat minyak, cat air, dan teknologi digital, memberikan dimensi baru dalam seni catan batik. Seniman tidak lagi terikat kepada medium tradisional, tetapi mereka dengan berani membuka diri untuk bereksperimen, mencipta karya seni yang lebih kompleks dan inovatif. Penggunaan warna-warna yang berani dan motif-motif abstrak mencerminkan semangat kreativiti dan kebebasan seniman dalam mengekspresikan diri, sambil tetap memelihara hakikat dan estetika batik. Isu-isu sosial dan kemanusiaan menjadi sumber inspirasi, di mana seniman-seniman menggunakan seni catan batik sebagai medium untuk menyampaikan pesan-pesan penting. Keberanian mereka dalam menyuarakan isu-isu seperti kepelbagai budaya, alam sekitar, dan masalah sosial mencipta karya seni yang tidak hanya indah secara visual tetapi juga membangkitkan kesedaran dan pemikiran. Pameran seni dan pendidikan seni lukis batik memainkan peranan penting dalam membentuk landskap seni halus Malaysia. Pameran berfungsi sebagai platform utama pelukis memperkenalkan karya mereka, manakala pendidikan dan latihan memberi sokongan kepada generasi muda untuk mewarisi teknik batik tradisional dan pada masa sama, mengembangkan kreativiti mereka sendiri.

Secara keseluruhan, seni catan batik di Malaysia tidak hanya mengekalkan keunikan dan keindahan warisan budayanya tetapi juga berkembang sebagai bentuk seni moden yang dinamik dan relevan. Penggabungan elemen-elemen tradisional dengan inovasi moden menciptakan harmoni yang memperkaya dan memperluas pengaruh seni lukis batik dalam seni rupa Malaysia.

Rujukan

- Abdullah, Asharil Suhardi. "Batik Daripada Tradisi Kepada Modenisasi." *Majalah Dewan Budaya*, 7July 2004, p. 40.
- Abdullah, Zamrudin, et al. "CIRI-CIRI KEINDAHAN DALAM PENGHASILAN REKAAN BATIK KONTEMPORARI BERINSPIRASI MOTIF ABSTRAK." *Jurnal Pengajian Melayu*, vol. 30, no. 1, 19 Dec. 2019, pp. 236–269, <https://doi.org/10.22452/jomas.vol30no1.11>. Accessed 19 Feb. 2021.
- Ahmad, Prof. Dr. N. A. (2021). *Peranan Pendidik dalam Menghasilkan Karya Seni Bermutu* [Review of *Peranan Pendidik dalam Menghasilkan Karya Seni Bermutu*].
- Azran Jaafar. (2004). Kebangkitan Karya Batik [Review of Kebangkitan Karya Batik]. *Berita Minggu*.
- Md.Zain, D. H. (1984). Batik Dalam Seni Lukis Moden Malaysia [Review of Batik Dalam Seni Lukis Moden Malaysia]. *Majalah Dewan Budaya*, 47.
- Mahamood Mulyadi. Seni Lukis Dalam Peristiwa. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.
- Noor, H.M. (2018, July 28). Industri batik tempatan perlu sentuhan global. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/wanita/fesyen/2018/07/454859/industri-batik-tempatan-perlu-sentuhan-global>
- Pameran Artchemist. (2023). Pelajar Tahun Akhir Jabatan Seni dan Reka Bentuk: Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Pameran Dimensi. (2020). Pelajar Tahun Akhir Jabatan Seni dan Reka Bentuk: Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Pameran Maya Akal Sari. (2021). Pelajar Tahun Akhir Jabatan Seni dan Reka Bentuk: Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Pameran Paradigma. (2022). Pelajar Tahun Akhir Jabatan Seni dan Reka Bentuk: Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Ramli, D. H. (2007). "Batik Painting" Dan "Painting Batik" Dalam Perkembangan Seni Lukis Moden Malaysia [Review of "Batik Painting" Dan "Painting Batik" Dalam Perkembangan Seni Lukis Moden Malaysia].
- Ruth Issett. (2000). Colour on Paper and Fabric. London: B.T Batsford LTD London.
- S, Johnson. Creative Crafting Ideas. Crafty Creation Publishing, 2023.
- Sullivan F. (1968) Taraf Seni Lukis Batik, dlm Teng-Master of Batik. (nama tempat terbitan dan penerbit tidak dinyatakan)
- Syed Ahmad Jamal. (1992). Rupa dan Jiwa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka